



Ruj. MQA : MQA.600-2/1/6 Jld.105 (51)

Tarikh : 26 DEC 2018

Naib Canselor
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM)
Parit Raja
86400 Batu Pahat
JOHOR



Tuan,

PERAKUAN AKREDITASI SEMENTARA BAGI PROGRAM SARJANA MUDA TEKNOLOGI KEJURUTERAAN PEMBUATAN PESAWAT DENGAN KEPUJIAN (MQA/PA 11694)

Perkara tersebut di atas adalah dirujuk.

2. Dengan hormatnya dimaklumkan bahawa Jawatankuasa Akreditasi, Agensi Kelayakan Malaysia (*Malaysian Qualifications Agency*, MQA) yang bermesyuarat pada **30 Oktober 2018** telah menimbangkan permohonan untuk mendapatkan Perakuan Akreditasi Sementara bagi program tersebut di atas.

3. Selaras dengan Seksyen 39 Akta Agensi Kelayakan Malaysia 2007, MQA telah memutuskan untuk **memberi Perakuan Akreditasi Sementara** selama **5 tahun bermula dari tarikh surat ini**.

4. Pihak tuan perlu mengemukakan bukti pematuhan syarat-syarat Perakuan Akreditasi Sementara seperti yang dinyatakan di perkara 3 dan 4 **Lampiran A** dalam tempoh **satu tahun dari tarikh surat ini atau sebelum pengambilan kohort pertama pelajar**. Kegagalan pihak tuan mengemukakan dokumen dalam tempoh atau gagal mematuhi syarat yang ditetapkan akan menyebabkan Perakuan Akreditasi Sementara dibatalkan.

5. Perakuan Akreditasi Sementara ini tidak membawa maksud apa-apa jua pengiktirafan daripada Lembaga Jurutera Malaysia.


6. Permohonan Akreditasi Penuh hendaklah dikemukakan kepada MQA sebelum kohort pertama pelajar memulakan semester akhir program. Pihak MQA boleh melaksanakan pemantauan program tersebut dalam tempoh Perakuan Akreditasi Sementara diberikan.

7. Sebarang maklumat lanjut mengenai perkara ini boleh diperolehi dengan menghubungi **Puan Habibah binti Danian** di talian **03-8688 3793** atau e-mel: habibah@mqa.gov.my.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(DATO' DR. RAHMAH BINTI MOHAMED)

s.k.: Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi
Jabatan Pendidikan Tinggi
Kementerian Pendidikan Malaysia
Aras 9, No. 2, Menara 2, Jalan P5/6, Presint 5
62200 WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA

Ketua Eksekutif
Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN)
Tingkat Bawah, Menara PTPTN
Blok D, Megan Avenue II
No. 12, Jalan Yap Kwan Seng
50450 KUALA LUMPUR

Fail MQA.600-2/2/7841